

JABATAN KEHAKIMAN MALASYIA,  
MAHKAMAH TINGGI,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR.

Bil:(9)d1m.JK/MA 38 J1d. IV

Tarikh: 15hb. Disember, 1990.

Hakim,  
Mahkamah Sesyen,  
Semenanjung Malaysia.

Majistret,  
Mahkamah Majistret,  
Semenanjung Malaysia.

Pendaftar Mahkamah Rendah,  
Mahkamah Sesyen,  
Semenanjung Malaysia.

Tuan/Puan,



untuk surjana  
Registi  
and  
25/12

ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 1990.

PROSEDUR MENGENAI PERMOHONAN YANG TIDAK  
DITENTANG DAN PERMOHONAN BAGI PERINTAH  
PERSETUJUAN DI MAHKAMAH SESYEN DAN  
MAHKAMAH MAJISTRET.

Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya dengan ini mengarahkan bahawa Arahan Amalan No. 2/1986 dan No. 10/1987 diperluaskan kepada Mahkamah-Mahkamah Sesyen dan Mahkamah-Mahkamah Majistret dan bahawa prosedur berikut hendaklah diikuti setakat yang ia berhubung dengan permohonan-permohonan yang tidak ditentang seperti Permohonan Ex Parte dan Permohonan bagi Perintah Persetujuan.

- 1) Apabila permohonan difaikan, pihak yang berkenaan atau Peguamcara bagi pihak plaintif yang memfaikan

permohonan itu hendaklah pada masa yang sama memfailkan suatu draf untuk perintah yang dipohon.

- 2) Tarikh kembalian awal untuk permohonan sedemikian hendaklah diberi dengan seberapa segera yang boleh atau dikepikan di mana mungkin sebagaimana dalam hal permohonan untuk mendapatkan perintah bagi penyampaian ganti, di mana, jika dokumen-dokumen adalah teratur, suatu perintah seperti dipohon akan diluluskan di dalam Kamar tanpa memerlukan kehadiran pihak yang berkenaan atau peguamcara di hadapan Hakim atau Majistret.
- 3) Dalam hal-hal lain, jika perintah seperti dipohon bagi permohonan itu diluluskan oleh Mahkamah, Draf tersebut hendaklah disemak dan dikembalikan kepada pihak yang berkenaan atau peguamcara itu, mengikut mana yang berkenaan, dengan segera.
- 4) Apabila salinan bersih diserahkan, draf yang diluluskan untuk perintah itu hendaklah dikepikan pada salinan bersih tersebut. Jika salinan bersih itu adalah teratur setelah membandingkannya dengan draf bagi perintah itu, salinan bersih tersebut hendaklah dimeterai dan dikembalikan kepada pihak yang

berkenaan atau pegawai peguamcara dengan seberapa segera yang praktik.

- 5) Tarikh kembalian, jika ada, seperti di dalam hal penyampaian ganti dan lain-lain lagi, hendaklah tidak melebihi empat (4) minggu dari tarikh salinan bersih perintah tersebut dikembalikan kepada pihak yang berkenaan atau peguamcara itu, mengikut mana yang berkenaan.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa dengan serta merta.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

*wan adnan*

(WAN ADNAN BIN MUHAMAD)  
Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya,  
Kuala Lumpur.

s.k.

- 1) Y.A.A. Ketua Hakim Negara,  
Mahkamah Agung,  
Kuala Lumpur.
- 2) Y.A.A. Hakim Besar Malaya,  
Mahkamah Agung,  
Kuala Lumpur.
- 3) Y.A.A. Hakim Besar Borneo, - (untuk makluman)  
Mahkamah Tinggi,  
Kuching, Sarawak.

- 4) Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung. - (untuk makluman)
- 5) Y.A. Hakim-Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman,  
Mahkamah Tinggi,  
Semenanjung Malaysia.
- 6) Peguam Negara Malaysia,  
Jabatan Peguam Negara,  
Kuala Lumpur.
- 7) Ketua Pendaftar,  
Mahkamah Agung,  
Kuala Lumpur.
- 8) Penolong Kanan Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya.
- 9) Majlis Peguam Malaysia,  
No. 5 Jalan Tun Perak,  
Kuala Lumpur.
- 10) KANUN,  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Kuala Lumpur.
- 11) Malayan Law Journal,  
3 Shenton Way,  
# 14-03 Shenton House,  
Singapore 01-06.
- 12) Current Law Journal,  
Lot 12, Ground Floor,  
Bangunan Strait Trading,  
50700 Kuala Lumpur.